

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI  
[ SIPITANG ]

**TARIKH :** 6.4.2015

**SOALAN :**

**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah guru dari Semenanjung yang ditempatkan di Sabah setakat penghujung tahun lalu, dan berapa ramai pula guru siswazah Sabah yang berjaya menamatkan pengajian dalam bidang perguruan daripada institusi pengajian tinggi (IPT) sejak tahun 2000.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan penempatan guru baharu berdasarkan kepada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen tanpa mengira kaum. Sehingga 23 Februari 2015, terdapat seramai 21,160 orang atau 80.58 peratus guru berasal dari Sabah berbanding keseluruhan 26,261 orang guru terlatih yang mengajar di sekolah-sekolah rendah di seluruh negeri Sabah. Hanya 16.51 peratus guru sekolah rendah di Sabah berasal dari Semenanjung, selebihnya 2.55 peratus berasal dari Sarawak dan 0.37 peratus berasal dari Wilayah Persekutuan Labuan. Di peringkat sekolah menengah pula, daripada keseluruhan 14,648 orang guru terlatih, seramai 10,452 orang atau 71.35 peratus daripadanya berasal dari Sabah, manakala selebihnya iaitu

26.21 peratus berasal dari Semenanjung, 2.10 peratus dari Sarawak dan 0.33 peratus berasal dari Wilayah Persekutuan Labuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dari Sabah yang akan menamatkan pengajian pada tahun 2015 adalah seramai 2342 orang. Manakala seramai 614 orang guru pelatih akan menamat pengajian pada tahun 2016, dan pada tahun 2017, seramai 245 guru pelatih akan tamat pengajian mereka di IPG.

Bagi jumlah graduan dari negeri Sabah yang berjaya menamatkan pengajian dalam bidang perguruan daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pula, seramai 443 graduan pada tahun 2012, 576 graduan pada tahun 2013 dan 445 orang graduan pada tahun 2014.

RJM96